



Teks Ucapan

**YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Syarifuddin bin Syed Ikhsan
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Malaysia**

**Sempena Majlis Persaraan Peringkat
Kementerian Kerja Raya
Tahun 2019**

**4 Disember 2019
(Rabu)**

**Bilik Tanjung, Tingkat 6, Blok A
Kompleks Kerja Raya**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

YBhg. Dato' Dr. Ong Gua Pak
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

Setiausaha-setiausaha Bahagian KKR

Para Pesara yang diraikan

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum WBT dan salam sejahtera.

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana hidayah dan 'inayahNya, kita dapat berkumpul dalam majlis yang penuh makna dan berbahagia ini, bagi meraikan 12 pegawai yang telah dan akan bersara pada tahun 2019 di Kementerian Kerja Raya. Seramai 9 pegawai yang bersara wajib dan 3 orang bersara pilihan.
2. Majlis pada hari ini merupakan suatu acara tahunan yang diatitkan bagi meraikan para pesara sebagai tanda penghargaan yang tidak terhingga atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang telah dicurahkan. Sesungguhnya khidmat bakti tuan/puan para pesara amatlah tinggi nilainya.
3. Dikesempatan ini, saya ingin menzahirkan rasa gembira dan terharu atas kehadiran tuan-puan yang sanggup meluangkan masa untuk bersama-sama dengan kami walaupun ada yang datang dari jauh dan mempunyai komitmen masing-masing. Saya juga amat berbangga kerana dapat meluangkan masa dapat meraikan tuan-puan semua di majlis hari ini serta dapat mengeratkan lagi ikatan

silaturrahim dan ukhuwah sesama kita. Bak kata pepatah, “tempat jatuh lagikan dikenang, inikan pula tempat kita berbakti dan mencari rezeki”.

Hadirin yang dihormati sekalian

4. Saya dimaklumkan ada di kalangan tuan-puan yang telah berkhidmat selama 42 tahun, 38 tahun dan seterusnya dalam perkhidmatan awam. Dalam tempoh yang panjang ini, semestinya tuan-puan telah mengharungi pelbagai pengalaman suka dan duka ketika dalam perkhidmatan. Saya yakin, terlalu banyak pengalaman serta pengetahuan yang telah ditimba dan dikecapi selama ini yang patut dijadikan sebagai contoh tauladan dan sempadan kepada generasi yang masih berkhidmat sekarang bak kata pepatah Melayu “Pengalaman merupakan guru yang terbaik”.

5. Segala sumbangan dan legasi yang telah ditinggalkan dan diamanahkan oleh tuan-puan kepada generasi baru, diharapkan akan dapat dimanfaatkan serta menjadi contoh kepada penjawat awam yang masih lagi berkhidmat.

Para hadirin yang saya kasihi sekalian,

6. Sudah menjadi lumrah kehidupan setiap yang bertemu pasti akan berpisah, setiap yang bermula pasti akan berakhir begitu juga dalam perkhidmatan awam. Meskipun perpisahan dan persaraan ini merupakan satu kehilangan kepada Kementerian Kerja Raya, namun ini bukanlah satu noktah. Sebaliknya ia menjadi satu titik permulaan kepada lembaran baru dalam kitaran hidup seorang insan.

7. Pastiya tuan-puan telah mempunyai perancangan masing-masing. Saya pasti di hadapan saya ini ada yang melibatkan diri dalam dunia perniagaan, dalam bidang pertanian serta mungkin menyambung pengajian.

8. Mungkin juga ada yang akan melibatkan diri dalam bidang politik mewakili suara rakyat ataupun memilih untuk berehat, melancong serta mengembara dan meluangkan lebih masa bersama keluarga tercinta. Walau apa pun yang telah dirancang, manfaatkanlah sebaiknya. Walau bagaimanapun satu harapan saya agar tuan-puan janganlah sia-siakan segala pengalaman dan pengetahuan yang ada. Kongsi dan curahkanlah kepada generasi muda, komuniti atau masyarakat sekeliling tuan-puan. Percayalah, segala pengalaman dan pengetahuan serta asam garam yang tuan-puan alami amat tinggi nilainya.

Hadirian yang dirahmati sekalian,

9. Sukacita saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi sedikit nasihat kepada tuan-puan yang bersara. Hati-hati dengan wang ganjaran sagu hati dan lain-lain terimaan wang sebaik sahaja berpencen. Tentu ramai pihak tertentu akan datang untuk mempengaruhi tuan-puan agar ikut serta melabur dalam projek perniagaan tertentu dengan pelbagai janji keuntungan. Sekiranya ada orang datang memujuk untuk melabur, sila berhati-hati dan kaji dengan teliti risiko perniagaan atau pelaburan tersebut agar tuan-puan tidak terperangkap dan seterusnya mengalami kerugian yang besar. Tanya-tanyalah mereka yang pakar dalam bidang berkenaan untuk mendapatkan nasihat dan pandangan agar tuan-puan terselamat daripada tertipu.

10. Untuk makluman semua, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif *Malaysia Civil Service Retirement Support* atau MyPesara untuk menjaga kebajikan pesara. MyPesara merupakan aplikasi pintar yang dibangunkan bertujuan memberi kemudahan kepada pesara Kerajaan Malaysia mencapai maklumat seperti data peribadi, data perkhidmatan dan maklumat bayaran pencen yang diterima setiap bulan. Aplikasi mudah alih ini boleh dimuat turun melalui *App Store* dan *Google Play*.

11. Di kesempatan ini, saya ingin berpesan supaya tuan-puan agar dapat mengamalkan gaya hidup dan pemakanan yang sihat. Pesanan ini bukan hanya terpakai kepada para pesara tapi kepada semua yang hadir termasuk saya sendiri. Mencegah adalah lebih baik dari mengubati. Gaya hidup dan pemakanan yang sihat menjamin ke arah kehidupan yang lebih sejahtera dan bermakna.

12. Bagi Pihak Kerajaan dan Perkhidmatan Awam, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pesara yang telah bersama-sama menyemai bakti di sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai penjawat awam khususnya di Kementerian Kerja Raya. Sesungguhnya segala usaha, kudrat dan pengorbanan tuan-puan yang telah disumbangkan secara langsung mahupun tidak langsung telah membantu membangun dan mencorakkan Kementerian Kerja Raya hingga ke hari ini.

13. Akhir kata, marilah kita sama-sama mendoakan semoga hari-hari persaraan tuan-puan yang diraikan hari ini dilimpahkan segala rahmat dan keberkatan, di samping berada dalam keadaan sihat sejahtera serta bahagia di samping keluarga tersayang. Semoga segala kenangan sebagai seorang penjawat awam menjadi memori indah yang mewarnai kehidupan tuan-puan semua.

14. Tahniah juga kepada pihak urus setia dan jawatankuasa penganjur majlis yang telah menjayakan majlis yang amat bermakna ini. Maka dengan ini saya sudahi ucapan saya dengan dua rangkap pantun;

*Tuai padi tinggal jerami,
Mega petang amat redup;
Dunia persaraan tuan alami,
Moga tenang nikmati hidup*

*Pahat papan serupa dulu,
Bawah kain daun cermai;*

*Rehatlah tuan di lembaran baru,
Ukhuwah terjalin usah terurai.*

Sekian, Terima Kasih.

**Wabilahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.**